

SIARAN MEDIA

MyCC MENANDATANGANI MoU BERSAMA UPM DAN MPC

PUTRAJAYA, 20 OGOS 2019 - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dalam satu Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada hari ini.

Pemeteraihan MoU ini merasmikan hasrat MyCC, UPM dan MPC untuk menggalakkan dan membangunkan bidang pendidikan dan penyelidikan serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan undang-undang persaingan. Ini merupakan salah satu langkah yang bertujuan untuk memperkasakan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 dengan lebih berkesan dan seterusnya mencapai objektif Suruhanjaya dalam melindungi proses persaingan yang sihat dan bermanfaat kepada perniagaan, pengguna dan ekonomi.

Antara kerjasama yang bakal dijalankan antara MyCC dengan UPM adalah pembangunan subjek atau modul mengenai undang-undang persaingan di Malaysia, peluang latihan industri untuk para pelajar serta program sangkutan jangkamasa pendek untuk para pensyarah. Manakala, kerjasama antara MyCC dengan MPC pula bertunjangkan “Senarai Semak APEC-OECD ke atas Pembaharuan Peraturan” yang memberi keutamaan untuk meletakkan Penilaian Impak Persaingan (CIA) dalam Analisis Impak Peraturan (RIA).

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Penggerusi MyCC bersama Prof. Datin Paduka Dato' Dr Aini Ideris, Naib Canselor UPM serta Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman, Timbalan Ketua Pengarah MPC yang telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri KPDNHEP.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Khalijah Mazlan, Tel +603 2273 2277 (ext 702),

Email: khalijah@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang kompetitif.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.